

Sensitif isu-isu berkaitan bumiputera

KUALA LUMPUR 7 Okt. - Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), meminta Institut Kajian Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) supaya lebih sensitif terhadap isu-isu bumiputera demi kepentingan bersama.

Presidennya, Datuk Moehamad Izat Emir berkata, sebarang kesilapan dalam membicarakan isu bumiputera boleh mencestuskan kekeliruan serta mengundang kemarahan orang-orang Melayu.

"Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan tugas penting, ASLI tidak wajar membuat kajian kedudukan bumiputera tanpa mengaturkan satu program melibatkan kerajaan dan NGO-NGO lain," katanya kepada Mingguan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas reaksi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan

Profesor Diraja Ungku Aziz berhubung kajian ASLI bertajuk Pengagihan Ekuiti Korporat: Arah Aliran Lalu dan Polisi Masa Depan.

Kajian itu mendakwa, golongan bumiputera sudah mencapai ekuiti ekonomi dalam negara sehingga 45 peratus iaitu melepasi sasaran DEB sebanyak 30 peratus.

Moehamad Izat menambah, hasil kajian itu juga dilihat tidak dibuat dengan teliti kerana ia tidak menumpukan kepada perkara-perkara penting lain seperti agihan pemilikan dan pendapatan bumiputera dengan bukan bumiputera.

Katanya, ASLI seharusnya menumpukan kepada perkara-perkara yang lebih memerlukan penglibatan mereka tanpa campurtangan dengan kedudukan bumiputera di negara ini.

Jelas beliau, antara isu lebih penting yang

wajar ditangani oleh ASLI ialah bagaimana untuk memberi peluang kepada graduan Melayu untuk diterima bekerja dalam syarikat-syarikat korporat milik bukan bumiputera yang memperoleh kejayaan hasil dari penswastaaan.

Malah, katanya, terdapat beberapa pemaju hartanah terkemuka yang berjaya dalam perniagaan kerana diberikan peluang membangunkan tanah milik kerajaan.

"Setelah berjaya, mereka ini seperti lupa daratan dan tidak pernah mengambil berat terhadap program membalas budi yang boleh dilakukan dengan penyertaan efektif bumiputera," ujarnya.

Beliau berkata, isu-isu seperti itu seharusnya diambil berat oleh ASLI supaya mereka dapat dilihat sebagai antara pihak yang sensitif kepada kedudukan bumiputera.